

# PELAJAR PELAJAR JURUSAN KATERING SEK. MEN. TEKNIK KENINGAU BERMINAT MENGIKUTI PENGAJIAN PENGURUSAN PERHOTELAN YANG DI TAWARKAN DI SPE



**S**ekumpulan pelajar dari Sek. Men. Teknik Keningau yang mengambil jurusan Katering telah melawat Sekolah Perniagaan & Ekonomi bersama-sama dengan 3 orang guru pengiring mereka. Tujuan lawatan adalah meninjau peluang melanjutkan pelajaran selepas tamat pengajian mereka di sekolah khususnya dalam bidang yang berkaitan iaitu perhotelan. Kehadiran rombongan telah disambut oleh pensyarah perhotelan, Pn. Izyanti Awg. Razli dan En. Arif @ Kamisan Pusiran. Pelajar turut diberi taklimat peluang melanjutkan pengajian di UMS khususnya program perhotelan. Sesi taklimat telah diberikan oleh En. Yuzaini Janin selaku Ketua Program Perhotelan. Sesi soal jawab turut diadakan bagi memberi peluang pelajar dan guru mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang peluang kemasukan serta kemudahan yang disediakan khususnya program perhotelan.